

Kesan-kesan Buruk Dobutamine yang Kecil Termasuk:

- Palpitasi (Jantung berdegup dengan lebih cepat dan/atau kuat)
- Sakit Dada
- Sesak nafas
- Loya
- Muntah
- Pening
- Muka merah

Ini bersifat sementara dan akan hilang/reda dalam masa beberapa minit selepas ujian tamat. Kebocoran ubat di tapak infusi (seduhan) boleh menyebabkan kesakitan dan keradangan setempat.

Sesetengah Kesan Sampingan Atropine Termasuk:

- Penglihatan kabur
- Mulut kering
- Muka merah
- Ketidakelesaian perut
- Penahanan air kencing

Disebabkan Atropine berkekalan untuk masa yang lebih lama dalam badan berbanding Dobutamine, simptom- simptom ini boleh bertahan sehingga beberapa jam selepas ujian.

Dengan pemantauan yang teliti dan penyeliaan pakar prosedur, komplikasi besar sangat jarang berlaku.

Pelbagai ubat boleh digunakan untuk mengatasi kesan sampingan tetapi simptom-simptom biasanya akan hilang/reda sendiri. Jika anda mengalami kesakitan dada atau ketidakelesaian lain semasa ujian, sila maklumkan ahli teknologi jantung atau doktor yang menyelia.

Bilakah Boleh Saya Tahu Keputusannya?

Laporan rasmi seharusnya tersedia dalam tempoh 24 hingga 48 jam selepas doktor anda menganalisis imej dan rakaman ECG berkomputer anda. Keputusan dan langkah rawatan anda yang seterusnya akan dibincangkan bersama doktor anda pada temu janji yang akan datang.

Sekiranya keputusan ujian sangat tidak normal atau jika keputusan yang segera diperlukan, anda mungkin dihubungi lebih awal.

TINGKAT 3 PUSAT PERUBATAN TTSH

- Pusat Jantung
- Klinik 3A (Kardiologi, Perkhidmatan Ambulatori Jantung, Gim Rehabilitasi Jantung)
- Klinik 3B (Atrium Jantung, Pusat Pengimejan Jantung)

TINGKAT 3 BLOK KECEMASAN (A&E)

- Makmal Jantung Invasif

NOMBOR TELEFON:


6537 7000 (Semua Temu Janji)



Scan the QR Code with your smart phone to access the information online or visit <https://www.ttsh.com.sg/Patients-and-Visitors/Medical-Services/Cardiology/Pages/default.aspx>

Jabatan
KARDIOLOGI

Ekokardiografi Tekanan Dobutamine (DSE)



Apakah Ekokardiografi Tekanan Dobutamine?

- Ekokardiografi merupakan imbasan ultrabunyi yang digunakan untuk mengimbas jantung dari arah yang berbeza, merekod pergerakannya sebagai imej di komputer untuk analisis. Imbasan dilakukan sebelum, semasa dan jika perlu, selepas infusi dobutamine. Gambar-gambar pada tahap ujian yang berbeza kemudiannya dibandingkan untuk menentukan sama ada jantung berfungsi dengan baik.
- Ekokardiografi Tekanan Dobutamine (DSE) merupakan ujian ultrabunyi khusus tanpa senaman yang membolehkan ahli kardiologi mengkaji cara jantung bertindak balas terhadap tekanan. Ubat yang dikenali sebagai dobutamine diseduh (infusi) melalui urat darah untuk merangsang jantung agar berdegup dengan lebih cepat dan lebih kuat untuk mendapatkan mimik kesan- kesan senaman tanpa memerlukan senaman.
- DSE lebih tepat berbanding ujian elektrokardiogram (EKG) yang biasa untuk mengesan penyempitan serius saluran darah yang membekalkan darah ke jantung yang juga dikenali sebagai arteri koronari.

Mengapakah Saya Memerlukan Ekokardiografi Tekanan Dobutamine?

- Ia merupakan salah satu pemeriksaan yang paling biasa untuk menentukan punca kesakitan dada dan sama ada pesakit menunjukkan bukti penyakit arteri koronari yang signifikan.
- Bagi pesakit yang mempunyai keadaan perubatan aterosklerosis, aliran darah ke jantung adalah tidak mencukupi. Ini menyebabkan kesakitan dada dan/atau sesak nafas yang akhirnya boleh membawa kepada serangan jantung.
- Untuk pesakit dengan otot jantung yang lemah atau rosak akibat penyakit arteri koronari, DSE memeriksa sejauh mana kerosakan di jantung, dan sama ada anda boleh pulih jika arteri koronari dibuka semula atau dipintas.
- Ia juga boleh digunakan pada pesakit dengan penyakit injap jantung untuk memeriksa sama ada otot jantung mereka yang lemah boleh sembuh, atau apabila tahap keseriusan penyakit injap tidak jelas.

Apa Yang Perlu Saya Jangkakan untuk Prosedur ini?

Prosedur ini akan diterangkan kepada anda sebelum ujian yang dilakukan di Makmal Jantung Bukan Invasif. Ujian ini mengambil masa kira-kira 1 jam secara keseluruhannya dan anda akan dapat pulang ke rumah selepas berehat selama 20 minit selepas ujian tamat.

Untuk memudahkan pelekatan elektrod ECG ke dada, pesakit lelaki akan diminta untuk menanggalkan baju mereka. Pesakit wanita mungkin diminta untuk menukar kepada gaun khusus untuk tujuan melekatkan elektrod. Beberapa elektrod akan diletakkan di dada anda untuk memantau irama jantung. Bulu dada yang berlebihan mungkin dicukur untuk memudahkan prosedur.

Sebatang tiub plastik atau kanula kecil akan dimasukkan ke dalam urat darah lengan anda untuk infusi dobutamine. Sepanjang ujian, anda akan berbaring pada badan sebelah kiri anda sementara tekanan darah dan ECG anda dipantau. Anda mungkin juga diminta untuk menahan nafas anda untuk satu tempoh masa yang singkat.

Gel terlarut air akan disapu di dada sebelum, semasa dan selepas infusi dobutamine untuk meningkatkan mutu imej otot jantung.

Semasa pemeriksaan, ia normal jika anda rasa jantung anda berdegup dengan lebih cepat dan lebih kuat. Anda juga mungkin berasa sedikit sesak nafas. Ini merupakan kesan rangsangan dobutamine dan akan hilang/reda selepas infusi diberhentikan. Kadang-kadang, dobutamine sahaja tidak mencukupi bagi meningkatkan kadar denyutan jantung untuk ujian yang tepat. Satu lagi ubat yang dinamakan Atropine mungkin disuntik sebagai tambahan untuk meningkatkan kadar denyutan jantung.



Maklumkan Doktor Anda:

1. Jika anda mengambil apa-apa ubat untuk tekanan darah tinggi dan/atau penyakit jantung yang mungkin memperlambatkan kadar degupan jantung. Ubat-ubat ini tidak boleh diambil 24 hingga 48 jam sebelum ujian, kecuali dalam keadaan klinikal tertentu. Sila semak dengan doktor tentang perkara ini.
2. Jika anda mempunyai sejarah masalah prostat atau glaukoma akut, satu keadaan yang menyebabkan sakit di mata kerana tekanan yang terlalu tinggi dalam bola mata. Anda tidak seharusnya menerima Atropine jika anda mempunyai keadaan-keadaan ini.

Penyediaan untuk DSE

1. Pakai baju dan seluar yang boleh dipisahkan, pakai kasut sukan untuk memudahkan ujian.
2. Elakkan makan dan minum sekurang-kurangnya 2 jam sebelum ujian.

Apakah Risiko yang Mungkin?

Ultrasound adalah sangat selamat dan tidak mempunyai kesan sampingan yang ketara walaupun dengan pemeriksaan yang berulang.